

29 JAN 2001

Syed Hamid-Bahrain

SYARIKAT MALAYSIA DIJEMPUT BANGUNKAN PELABUHAN SALMAN DI BAHRAIN

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Bahrain hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membuka laluan kepada penglibatan syarikat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam projek pembangunan pelabuhan baru, Pelabuhan Salman, yang berharga AS\$500 juta di Bahrain.

MoU mengenai bidang kerjasama dalam bidang pengangkutan itu ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bagi pihak Malaysia dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Bahrain, Abdullah Hassan Saif di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu sidang media selepas mesyuarat delegasi kedua-dua negara di sini bahawa Bahrain telah menjemput syarikat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pembangunan pelabuhan baru itu.

MoU itu ditandatangani selepas perbincangan delegasi Bahrain yang diketuai oleh Perdana Menteri Shaikh Khalifa Bin Salman Al-Khalifa dengan delegasi Malaysia yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua Perdana Menteri itu juga menyaksikan penandatanganan MoU bagi penubuhan sebuah suruhanjaya bersama untuk meluaskan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara.

MoU bagi penubuhan suruhanjaya bersama itu ditandatangani oleh Syed Hamid bagi pihak Malaysia dan rakan sejawatannya Shaikh Mohammad bin Mubarak Al-Khalifa bagi pihak Bahrain.

Shaikh Khalifa, yang mengetuai rombongan seramai 55 orang termasuk empat Menteri, sedang dalam lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai hari ini.

Selain Shaikh Mohammad dan Abdullah, dua lagi menteri yang mengiringi Perdana Menteri Bahrain itu ialah Menteri Negara Majed Jawad Al Jahsi dan Menteri Hal Ehwal Kabinet dan Penerangan Mohammad Ibrahim Al-Mutawa's.

Di pihak Malaysia pula, mesyuarat delegasi itu turut disertai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, selain Syed Hamid dan Dr Ling serta Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh, yang juga bertindak sebagai Menteri Pengiring.

Sebelum mesyuarat delegasi, Shaikh Khalifa telah mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di pejabatnya di sini.

Syed Hamid berkata pertemuan antara Perdana Menteri kedua-dua negara itu bertujuan mencapai kerjasama berkesan termasuk usahasama dalam bidang perdagangan, kemungkinan penubuhan syarikat usahasama dalam bidang perusahaan dan harapan Bahrain untuk melihat Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan melalui Bahrain.

"Mereka telah memberitahu kita bahawa mereka telah menerima permohonan Malayan Banking untuk memulakan operasi perbankan di Bahrain," katanya.

Syed Hamid berkata Bahrain juga mahu Malaysia mengambil bahagian dalam Dana Infrastruktur Islam, yang sedang ditubuhkan di Bahrain, dengan sumbangan dari negara-negara Islam.

Dana itu, yang diharap dapat mengumpul AS\$1.5 bilion, adalah untuk memberi kemudahan pinjaman kepada negara-negara Islam bagi melaksanakan projek infrastruktur selain membuka peluang kepada negara-negara berkenaan terlibat dalam projek-projek itu.

Syed Hamid berkata Malaysia bersetuju untuk mengambil bahagian dalam dana itu tetapi belum memutuskan jumlah sumbangannya.

Selain itu, Bahrain berharap Malaysia menjadikan negara itu sebagai satu pusat pemunggaan untuk perdagangan dengan negara-negara Teluk dan tempat-tempat lain yang berdekatan.

Menurut Syed Hamid sebanyak 62 peratus daripada pendapatan Bahrain disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan negara itu sangat berminat untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang perkhidmatan dengan Malaysia.

Bahrain, yang mempunyai kira-kira 600,000 penduduk, adalah anggota Majlis Kerjasama Teluk yang mempunyai kira-kira 20 juta penduduk.

Syed Hamid berkata Malaysia boleh melihat kemungkinan untuk menubuhkan industri di negara itu terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan teknologi maklumat.

Menurutnya Dr Mahathir meminta Bahrain menghantar pelajar-pelajarnya untuk melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia dalam pelbagai bidang khususnya multimedia selaras dengan hasrat Malaysia menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kemudahan yang disediakan di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Syed Hamid berkata Dr Mahathir turut dijemput melawat Bahrain untuk membuat susulan kepada kerjasama dan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA
AFY AHH NAK